

APLUS PRESTIGE SDN BHD
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Notis Perlindungan Data Peribadi ("**Notis**") in dikeluarkan oleh **APLUS PRESTIGE SDN BHD [Registration No. 202201037417 (1483114-H)] ("APLUS")**, satu syarikat yang didaftarkan di bawah undang-undang Malaysia dengan alamat perniagaannya di 53C, Faber Plaza, Jalan Desa Bakti, Taman Desa, 58100, Kuala Lumpur, Malaysia.

APLUS menghormati privasi anda khusus kepada data peribadi dan informasi anda ("**Data Peribadi**") yang diberikan kepada pihak kami dan pihak kami adalah komited dalam perlindungan privasi anda dan Notis ini menerangkan bagaimana pihak kami mengumpul, mengguna dan melindungi Data Peribadi anda yang telah anda berikan kepada pihak kami selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**").

Dengan melantik APLUS untuk menyediakan perkhidmatan seperti perkhidmatan nasihat kewangan, berinteraksi dengan APLUS sama ada di acara, persidangan, seminar, ceramah, atau dengan melayari laman web APLUS di [<https://www.aplusprestige.my/>] ("**Laman Web**"), atau dengan berkomunikasi dengan APLUS ("**Perkhidmatan-Perkhidmatan**"), anda dengan ini bersetuju kepada pemprosesan Data Peribadi anda oleh APLUS dan semua orang yang terlibat dalam penyediaan Perkhidmatan-Perkhidmatan oleh APLUS.

1. DATA PERIBADI

- 1.1 Data Peribadi yang anda berikan ataupun yang telah diberikan kepada APLUS termasuk, tanpa terhad kepada nama, alamat, alamat emel, nombor telefon, nombor kad pengenalan atau nombor passport, kewarganegaraan dan juga maklumat akaun bank, kad kredit dan sebarang maklumat yang boleh mengenal pasti anda, pasangan atau ahli-ahli keluarga anda yang telah atau akan dikutip, disimpan, digunakan dan diproses oleh APLUS dari semasa ke semasa.
- 1.2 Sebagai tambahan kepada Data Peribadi yang anda berikan kepada APLUS secara langsung (sama ada ketika menggunakan Perkhidmatan-perkhidmatan ataupun dalam komunikasi dengan APLUS), APLUS juga mungkin mengumpul Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber, termasuk tanpa terhad kepada sebarang acara, persidangan, rujukan daripada kenalan, program rujukan, seminar atau ceramah yang diatur atau ditaja oleh APLUS, atau semasa melayari Laman Web kami, "*cookies*" juga akan turut diperolehi. Jika anda tidak ingin Data Peribadi anda dikumpul melalui "*cookies*" di Laman Web, sila konfigurasi penyemak imbas web anda untuk menyahaktifkan "*cookies*". Walaubagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa jika anda menyahaktifkan "*cookies*", anda mungkin tidak akan dapat menggunakan semua fungsi yang terdapat dalam Laman Web.
- 1.3 Sekiranya kami telah memperolehi Data Peribadi anda daripada pihak ketiga, seperti rujukan daripada rakan anda, tetapi anda tidak mahu kami menghubungi anda, sila menghubungi kami dengan segera melalui maklumat hubungan melalui butiran hubungan yang ternyata dalam perenggan 5.1 di bawah.

2. TUJUAN MEMPROSES DATA PERIBADI

- 2.1 Dengan melantik APLUS, anda dengan ini bersetuju dan membenarkan APLUS untuk mengguna dan memproses Data Peribadi anda yang diberikan kepada APLUS, dalam cara dan untuk tujuan yang ternyata di bawah:
 - 2.1.1 untuk tujuan bagi Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut;
 - 2.1.2 untuk memudahkan pembayaran untuk Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut;
 - 2.1.3 untuk menjawab soalan dan komen daripada anda;
 - 2.1.4 untuk membenarkan APLUS berkomunikasi dengan anda;
 - 2.1.5 untuk tujuan operasi, pengurusan, pentadbiran dalaman dan penyimpanan rekod APLUS;
 - 2.1.6 untuk tujuan yang diperuntukkan dalam sebarang perkhidmatan atau produk khusus yang ditawarkan oleh APLUS atau rakan kongsi kami;
 - 2.1.7 untuk APLUS mematuhi obligasinya di bawah undang-undang dan peraturan, kod praktik atau garis panduan, dasar, prosedur (termasuk kenali pelanggan anda dan sebarang proses semakan yang berkaitan) dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang relevan, termasuk pematuhan dengan undang-undang yang berkaitan dengan keterangan;
 - 2.1.8 untuk tujuan keselamatan dan pencegahan penipuan;
 - 2.1.9 untuk tujuan melaksanakan apa-apa hak atau kewajipan yang dikenakan oleh undang-undang ke atas pihak kami;
 - 2.1.10 untuk memberi maklumat yang diperlukan kepada mana-mana pihak berkuasa atau kerajaan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan atau keperluan kerajaan; dan
 - 2.1.11 untuk membolehkan pihak kami menghantar maklumat kepada anda melalui e-mel, pos atau kaedah telekomunikasi (panggilan telefon, pesanan teks atau aplikasi media sosial).
- 2.2 APLUS juga mungkin akan mengguna dan memproses Data Peribadi anda untuk tujuan lain seperti:-
 - 2.2.1 untuk menghantar kepada anda kad-kad ucapan, surat berita, artikel-artikel, rencana-rencana, dan pengemaskinian lain;
 - 2.2.2 untuk mengedar maklumat acara, persidangan, ceramah dan seminar yang mungkin anda minati; dan
 - 2.2.3 untuk tujuan-tujuan lain yang akan dikomunikasikan kepada anda,jika ada, melalui mel dan/atau emel.

- 2.3 Jika anda tidak bersetuju atau membenarkan APLUS untuk memproses Data Peribadi anda bagi tujuan yang ternyata dalam perenggan 2.2 di atas, sila menghubungi APLUS melalui butiran hubungan yang ternyata dalam perenggan 5.1 di bawah.

3. KEGAGALAN MEMBERIKAN DATA PERIBADI

- 3.1 Pembekalan Data Peribadi anda kepada APLUS adalah secara sukarela. Namun, jika anda enggan memberikan Data Peribadi anda atau Data Peribadi yang berikan tidak mencukupi, APLUS mungkin tidak dapat membekal Perkhidmatan-perkhidmatan yang anda perlukan atau berkomunikasi dengan anda secara efektif. Berikutan itu, anda bersetuju bahawa APLUS tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang hasil yang timbul daripada ketidak-bekalan Data Peribadi anda.

4. PENDEDAHAN DATA PERIBADI

- 4.1 Pihak kami akan menyimpan dan memproses Data Peribadi anda dengan cara yang selamat. Pihak kami akan berusaha sedaya upaya, di mana praktikal, untuk melaksanakan prosedur pentadbiran dan perlindungan serta sebarang prosedur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk menghalang pemprosesan Data Peribadi dalam cara yang tidak dibenarkan atau tidak sah, serta apa-apa kehilangan atau kerosakan ke atas Data Peribadi.

- 4.2 Data Peribadi anda yang diberikan kepada APLUS atau dikumpulkan oleh APLUS akan disimpan sulit oleh APLUS. Namun anda dengan ini bersetuju bahawa pihak kami boleh mendedahkan kepada pihak ketiga, pembekal perkhidmatan atau individu-individu untuk melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu bagi pihak APLUS, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pihak yang dinyatakan di bawah:-

- 4.2.1 pembekal perkhidmatan bagi kemasukan data (*data entry*);
- 4.2.2 syarikat yang membekal kemudahan penyimpanan (*storage facility*);
- 4.2.3 bank dan institusi kewangan;
- 4.2.4 penasihat luar dan penasihat profesional yang lain, seperti juruaudit;
- 4.2.5 syarikat insurans;
- 4.2.6 pembekal perkhidmatan bagi maklumat teknologi (*information technology*);
- 4.2.7 badan-badan berkanun, badan-badan pengawal aturan dan/atau pihak berkuasa kerajaan;
- 4.2.8 sebarang pihak yang perlu untuk diberi pendedahan di bawah undang-undang; dan
- 4.2.9 mana-mana pihak lain sebagaimana APLUS fikirkan perlu bagi tujuan yang dinyatakan di dalam perenggan 2 di atas.

- 4.3 APLUS boleh menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan pelayan yang berada di luar Malaysia dan Data Peribadi anda boleh dipindahkan, disimpan, diguna dan diproses di dalam bidang kuasa yang lain daripada Malaysia. Anda dengan ini memahami dan memberi kebenaran untuk pemindahan Data Peribadi anda keluar dari Malaysia.
- 4.4 Kami berhak untuk bekerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa kerajaan atau badan penguatkuasaan undang-undang, penyiasat persendirian dan/atau pihak ketiga dalam penyiasatan sebarang jenayah atau salah laku sivil yang disyaki. Selanjutnya, setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang dan polisi yang berkenaan, kami boleh mendedahkan identiti, maklumat hubungan dan/atau maklumat anda berkaitan dengan akaun, transaksi atau aktiviti anda yang dijalankan di atas atau melalui Laman Web, jika diminta oleh kerajaan atau badan penguatkuasaan undang-undang atau pihak ketiga, atau sebagai akibat daripada sepina atau tindakan undang-undang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan atau hasil yang timbul daripada pendedahan tersebut dan anda bersetuju untuk tidak membawa apa-apa tindakan atau tuntutan terhadap kami untuk pendedahan tersebut.

5. PERMINTAAN UNTUK AKSES DAN PERTANYAAN

- 5.1 Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini sama ada memohon untuk: (i) mendapat akses kepada Data Peribadi anda; (ii) memohon untuk membuat pembetulan ke atas Data Peribadi anda; (iii) mengehaskan pemprosesan Data Peribadi anda oleh APLUS; atau (iv) memohon maklumat lanjut berkenaan pemprosesan Data Peribadi anda daripada APLUS, yang mana berkenaan, tertakluk kepada pengecualian dan sekatan sebagaimana yang terkandung di bawah undang-undang Malaysia. Jika anda ingin berbuat demikian, sila hubungi:

Jawatan : Pegawai PDPA
Alamat : 53C, Faber Plaza, Jalan Desa Bakti, Taman Desa, 58100, Kuala Lumpur, Malaysia
Emel : pdpa@aplusprestige.my
No. Telefon : 0169010330

Anda juga boleh menghubungi APLUS melalui butir-butir hubungan di atas jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan Data Peribadi anda yang diberikan kepada APLUS.

- 5.2 Sila ambil perhatian bahawa APLUS mempunyai hak untuk menolak permintaan anda untuk mendapat akses dan/atau membuat pembetulan terhadap Data Peribadi anda, setakat mana yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia, seperti mana pemberian akses kepada anda adalah tidak seimbang dengan risiko kepada privasi anda.
- 5.3 Sekiranya terdapat apa-apa perubahan di dalam Data Peribadi anda, anda dikehendaki untuk menghubungi dan memaklumkan APLUS secepat mungkin.

6. PERKARA AM

- 6.1 Kami berhak untuk mengemaskini, mengubah atau meminda Notis ini dari semasa ke semasa, seperti mana yang berkenaan. Dengan terus berkomunikasi dengan APLUS atau dengan menggunakan Perkhidmatan-perkhidmatan berikutan pengubahan, kemas kini atau pindaan kepada Notis ini, anda adalah bersetuju dengan sebarang kemas kini, pindaan atau pengubahan tersebut.
- 6.2 Notis ini adalah dikeluarkan dalam dua bahasa, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten atau terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 6.3 Laman Web mungkin mengandungi pautan ke laman-laman web lain yang mungkin mempunyai amalan privasi yang berbeza. APLUS tidak bertanggungjawab ke atas amalan privasi atau kandungan laman-laman web tersebut. Jika anda memaut kepada atau selainnya melawat mana-mana laman web yang lain, sila kaji semula dasar privasi yang dipaparkan di laman web tersebut.